

Cara atasi masalah log-in

SEKIRANYA ada masalah untuk masukkan log masuk dan kata laluan di sebuah laman web, bagaimana untuk mengatasinya?

- Abdullah, Serdang Lama.

Jawapan

Di sini saya akan sertakan senarai semak berkenaan apa yang perlu dilakukan untuk mengatasinya masalah tersebut.

1 Pertamanya, sila semak sambungan rangkaian dan sambungan internet tiada masalah dengan komputer yang digunakan untuk mencapai akaun di sebuah laman web.

2 Pastikan juga log masuk atau log-in dan kata laluan yang dimasukkan itu benar-benar betul dan tekan butang seterusnya dengan berhati-hati. Pastikan penggunaan simbol, huruf besar, huruf kecil, nombor dan sebagainya dalam log masuk dan kata laluan adalah betul.



Bersama Firkhan
sembangict@yahoo.com

3 Pastikan fungsi Caps Lock pada papan kekunci (keyboard) tidak diaktifkan.

4 Sekiranya kata laluan sudah ditetapkan semula atau reset, pastikan kata laluan baru dimasukkan ke dalam laman web tersebut. Sekali lagi, pastikan kata laluan tersebut adalah betul dan masukkan dengan berhati-hati.

5 Sekiranya ada masalah dengan kata laluan yang baru, sekali lagi tetapkan semula kata laluan yang baru dengan berhati-hati. Seterusnya guna kata laluan yang baru itu untuk masuk ke dalam akaun laman web tersebut.

6 Sekiranya papan kekunci yang digunakan telah dikonfigurasikan dengan penggunaan pelbagai jenis bahasa, pastikan jenis bahasa yang betul digunakan untuk log masuk dan kata laluan. Konfigurasi ini boleh disemak di bar tugas atau taskbar atau di Control Panel.